

# Gerai ikan bakar makin usang

BH 7/12/06.

Kewujudan 13 kolam ternak udang harimau di Serkam Pantai didakwa jadi tempat pembiakan nyamuk

Oleh Mohamad Yatim Latip

**J**ASIN: 'Indah khabar dari rupa'. Begitulah perumpamaan yang boleh dikaitkan dengan keadaan prasarana di Medan Ikan Bakar Serkam Pantai yang kini semakin usang dan terbiar.

Tinjauan *Sentral* mendapati kebanyakan daripada kira-kira enam gerai peniaga ikan bakar di situ sudah terlalu usang, di mana lantai serta dinding gerai retak akibat hakisan tanah di tebing jeti Sungai Serkam.

Selain itu, beberapa kemudahan awam seperti tandas dan tong sampah yang disediakan untuk pengunjung didapati kotor dan rosak, sekali gus mencatatkan pemandangan kawasan sekitar medan ikan bakar terbabit disebabkan sudah terbiar sejak sekian lama.

Malah, masalah lain yang turut membelenggu peniaga dan nelayan di kawasan itu membabitkan kewujudan 13 kolam menternak udang harimau seluas satu hektar setiap satu yang pernah diusahakan Persatuan Nelayan Melaka Selatan (PNMS) kira-kira enam tahun lalu.

Ia ternyata mencemarkan persekitaran medan ikan bakar berkenaan kerana didakwa menjadi tempat pembiakan nyamuk selepas tidak berfungsi sejak beberapa tahun lalu.

Peniaga, Mohd Nasir Hashim, 46, mendakwa keadaan infrastruktur di medan ikan bakar terbabit sangat menyedihkan kerana ia terbiar sejak



**TIDAK BEROPERASI:** Pos tinjau Rela terbiar dan tidak beroperasi sejak tiga tahun lalu.

YATIM LATIP | BERITA HARIAN

dimajukan pada 1983.

Katanya, medan ikan bakar berkenaan masih mampu menerima ramai pengunjung, terutama dari Singapura dan berdasarkan jumlah pelancong luar yang datang ke situ ia sepatutnya diberi perhatian sewajarnya oleh kerajaan negeri memandangkan ia adalah medan ikan bakar paling awal dibuka di negeri.



**“ Kami amat terkilan kerana medan ikan bakar di sini diabaikan seolah-olah dianaktirikan tanpa mendapat perhatian kerajaan negeri atau mungkin ada pihak yang terlepas pandang terhadap keadaan infrastruktur di sini”**

**Mohd Nasir Hashim**

*Peniaga*

Malah, beliau mendakwa, medan ikan bakar terbabit pernah melahirkan ramai pengusaha ikan bakar di negara ini yang menyertai program khas yang dianjurkan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan ada antara mereka yang datang dari Sabah dan Sarawak.

“Justeru, kami sangat berharap agar kerajaan memandangkan serius perkara ini supaya tempat ini dapat dimajukan semula, sekali gus menyumbang kepada usaha memajukan sektor pelancongan di negeri ini,” katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Serkam Pantai, Abdullah Abas, 60, berkata, masalah yang dihadapi peniaga dan juga nelayan di situ sudah begitu lama.

Beliau berkata, selain masalah infrastruktur, masalah lain yang dihadapi peniaga dan nelayan di situ ialah hakisan dan keadaan semak samun sepanjang tebing sungai di jeti Sungai Serkam yang dipenuhi tumbuhan liar akibat tidak dibersihkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri.

Selain itu katanya, lantai pada kaki lima pejalan kaki dan besi penghadangnya sudah runtuh akibat hakisan tanah serta pos tinjau milik Rela negeri tidak beroperasi sejak tiga tahun lalu.

“Sehubungan itu, kami berharap kerajaan negeri dapat mengambil tindakan sewajarnya dengan membangunkan semula kawasan ini supaya ia dapat diceriakan kembali.

“Medan ikan bakar ini menjadi sumber mata pencarian nelayan dan peniaga ikan bakar di sini,” katanya.

Beliau juga berharap, JPS atau LKIM dapat membina jeti konkrit sepanjang 200 meter bagi menggantikan jeti kayu sedia ada yang sudah usang dan tidak lagi selamat digunakan.